

*Seminar*



# Faraid & Perancangan Perwarisan

## Isu Harta Beku Dan Penyelesaiannya Di Malaysia

29-30 Mac 2016 / Dewan Besar IKIM Kuala Lumpur

Hukum Faraid merupakan satu hukum yang amat jelas perincinya di dalam al-Quran. Pematuhan kepada hukum ini seperti mana yang digariskan oleh al-Quran menjamin keharmonian dan kesejahteraan di kalangan pewaris. Namun hakikat yang dapat dilihat pada hari ini adalah bertentangan dengan matlamat yang ingin dihasilkan oleh hukum faraid ini. Selain mencetus perbalahan di kalangan waris dan pengabaian serta penafian dari segi hak, kegagalan mereka untuk mengurus dan merancang pembahagian pusaka seperti mana yang dianjurkan oleh Shariah menyebabkan banyak harta umat Islam menjadi beku. Selain itu juga terdapat kekangan perundungan terutamanya dari segi bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Shariah yang menyebabkan proses pembahagian pusaka menjadi tidak cekap dan lancar seperti mana yang diharapkan.

Oleh yang demikian adalah penting bagi masyarakat Islam untuk mengetahui cara pengurusan harta pusaka dan merancang pewarisan yang baik dan berkesan. Justeru selain mengetahui aspek pembahagian dari segi hukum, kita juga perlu tahu tentang pengurusan pusaka dari sudut teknikal dan juga prosedur semasa yang digunakan di negara ini. Ini kerana perancangan pewarisan yang baik bukan terhenti setakat pembahagian harta semata-mata. Malah ia turut merangkumi aspek pengekalan dan pengembangan harta pusaka supaya kebaikan harta tadi bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pewaris tetapi juga kepada si pemilik harta yang telah meninggal dunia.

Seminar ini bertujuan untuk:

- Memberi pendedahan kepada peserta tentang falsafah dan matlamat sebenar hukum Faraid dalam Islam.
- Mengurai tentang kepentingan perancangan pewarisan dan instrumen-instrumen yang boleh digunakan bagi tujuan tersebut.
- Membincang dan mencari jalan penyelesaian kepada beberapa isu yang sering dikaitkan dengan pengurusan dan pembahagian harta pusaka.
- Melihat prosedur yang digunakan dan mencari resolusi untuk beberapa isu yang berkaitan dengan pertindihan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Shariah dalam aspek pengurusan harta umat Islam di Malaysia.

Penyelaras

- Muhammad Hisyam Mohamad  
Fellow, Pusat Kajian Ekonomi Dan Kemasyarakatan (EMAS), IKIM
- Siti Shamsiah Md Supi  
Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang Dan Politik (SYARAK), IKIM

08.00	Pendaftaran Peserta dan Sarapan Pagi
09.00	Bacaan Doa
09.05	Ucapan Aluan oleh YBhg. Prof. Datin Dr. Azizan Hj. Baharuddin, Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia
09.20	Ucapan Perasmian oleh YAB Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi Pengerusi, Institut Kefahaman Islam Malaysia
	SESI 1 : ISLAM, FARAIID DAN HARTA Moderator : YBhg. Encik Mohamad Azhar Bin Hashim, Fellow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM
10.00	Kertas 1 : Konsep Harta Dalam Islam Pembentang : Prof. Madya Dr. Azman Mohd Nor <i>Ketua Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)</i>
10.40	Kertas 2 : Pembekuan Harta: Kesan Ke Atas Ekonomi Umat Islam Pembentang : Muhammad Hisyam Mohamad, <i>Fellow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)</i>
11.20	Kertas 3 : Faraid dan Falsafah Pembahagian Pusaka Menurut Al-Quran dan al-Hadith Pembentang : YBhg. Dr. Luqman Haji Abdullah, <i>Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usual, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)</i>
12.00	Sesi Soal Jawab
12.45	Jamuan Tengah Hari & Solat
	SESI 2 : FARAIID – BIDANG KUASA DAN AMALAN SEMASA DI MALAYSIA Moderator : YBhg. Tuan Haji Abdul Rahman Azubir, Yazid Baba & Partners
14.00	Kertas 4 : Perancangan Pewarisan Dan Kepentingannya dalam Konteks Pengurusan Harta Umat Islam Pembentang : Tuan Haji Wan Abdul Halim Wan Harun, <i>Perunding Harta Pusaka dan Faraid</i>
14.40	Kertas 5 : Amalan & Permasalahan Dalam Urusan Pentadbiran Faraid di Mahkamah Syariah & Mahkamah Sivil Pembentang : <b>YAA Dr. Hj. Mohd. Na'im Hj. Mokhtar</b> <i>Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor</i>
15.20	Kertas 6 : Amalan dan Urusan Pentadbiran Pusaka di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Pembentang : Puan Hajjah Hasiah Kasah <i>Pengarah, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah &amp; Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar</i>
16.00	Sesi Soal Jawab
16.30	Penangguhan

30 Mac 2016

8.00	Sarapan Pagi
	SESI 3 : PENILAIAN KEBERKESANAN AMALAN SEMASA & PERKONGSIAN PENGALAMAN Moderator : YBhg. Cik Wan Roslili Majid, Fellow, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
09.00	Kertas 7 : Keberkesaan dan Kecekapan Institusi Pengurusan Harta Pusaka Awam dan Swasta di Malaysia - Satu Penilaian. Pembentang : YBhg. Prof. Dr. Akmal Hidayah Halim, <i>Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Islam Malaysia (UIAM)</i>
09.40	Kertas 8 : Pindah Milik Harta Selepas Kematian : Pengalaman Singapura Pembentang : Encik Sadali Rasban, <i>Perunding Utama (Principal Consultant), HTHT Advisory Services Private Ltd, Singapura</i>
10.20	Sesi Soal Jawab
	FORUM : PENGURUSAN HARTA ORANG ISLAM - KONFLIK BIDANG KUASA MAHKAMAH DAN KESANNYA KE ATAS EKONOMI UMMAH Moderator : Prof. Madya Dr. Shamrahyu Ab. Aziz (Fellow Utama, IKIM)
11.00	Panelis 1 : <b>YAB Tun Dato' Seri Haji Abdul Hamid Bin Haji Mohamad</b> Mantan Ketua Hakim Negara Panelis 2 : YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman Penasihat Perundungan Shariah, Jabatan Peguam Negara Panelis 3 : YBhg. Prof. Dr. Nazari Ismail Profesor, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya
13.00	Jamuan Tengah Hari & Bersurai



03-62046323



+6012-7176200



03-62046201



program@ikim.gov.my



RM450.00

Termasuk makan minum,  
bahan seminar dan sijil

# *Faraid &* *Perancangan* *Perwarisan*

*Isu Harta Beku Dan Penyelesaiannya Di Malaysia*